

25/04/2001

PNB terus tingkatkan pegangan Bumiputera

Veena Rusli; Zainab Mohd Yatim

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan terus melaksanakan tanggungjawabnya meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera dalam syarikat swasta.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, ini kerana matlamat PNB belum tercapai sepenuhnya dan sasaran negara untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera dalam korporat juga belum menjadi kenyataan.

Justeru, katanya, PNB akan terus beroperasi dan mungkin untuk selamalamanya memandangkan kegiatan pengurus dana itu memberikan keuntungan kepada pelabur, khususnya golongan Bumiputera.

"Perancangan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk terus mengembangkan ekonomi harus diguna pakai oleh PNB untuk meningkatkan aktivitinya.

"Saya yakin terhadap segala tindakan dan pendekatan yang diambil menerusi RM-8 akan membolehkan ekonomi kita terus berkembang pesat.

"Ketika itu, peluang baru akan muncul manakala pertumbuhan sektor swasta bertambah rancak... ini diharap akan memberi kesempatan kepada PNB mencipta pelaburan dan memperkenalkan produk baru bagi meningkatkan kegiatan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2001 di Dewan Perbandaran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), petang semalam.

Hadir sama, Pengerusi PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman dan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Abdul Halim Abdul Rahman.

Abdullah berkata, kepakaran yang dimiliki akan membolehkan PNB untuk terus melahirkan idea dalam memperkenalkan produk baru selain tujuh produk saham amanah yang sedia adanya.

Dalam konteks ini, katanya, PNB akan terus berfungsi sebagai pemangkin peningkatan penyertaan ekuiti Bumiputera dalam syarikat swasta manakala nilai pelaburannya diharap dapat diguna membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Terdahulu ketika berucap, Abdullah berkata kejayaan dana anjuran PNB mencerminkan penggemblengan dana melalui saham amanah dapat meningkatkan pemilikan ekonomi Bumiputera dalam sektor korporat.

Penggemblengan tugas PNB itu katanya, akan menjadi lebih penting dengan proses globalisasi yang berlaku sepenuhnya tidak lama lagi.

"Kita perlu melihat jauh ke depan. Kita perlu berwaspada terhadap proses globalisasi dan kesannya terhadap ekonomi negara. Kita tidak boleh lagi berdiam diri dan menunggu globalisasi menelan kita.

"Saya yakin pengurus PNB sudah membuat persediaan bagi memastikan pelaburan yang dibuat mampu memberi keuntungan dari segi pengagihan perolehan dan bonus.

"Inilah cabaran pengurus PNB dan saya percaya dengan keupayaan dan kepakaran yang ada, mereka boleh meningkatkan prestasi," katanya.

(END)